

BAB LIMA

GAYA HIDUP MASYARAKAT



BAB 5

GAYA HIDUP DAN PERSEPSI PENDUDUK KAMPUNG DATO' KERAMAT

5.0 Pengenalan

Bandar sebagai satu bentuk petempatan manusia mempunyai definisi yang pelbagai. Mengikut ahli sosiologi Wirth (1938), bandar ditakrifkan sebagai suatu kawasan petempatan kekal yang secara relatifnya besar, padat serta penduduknya tidak seragam atau heterogenous (Wirth 1938:9). Takrifan lain tentang bandar ialah dari segi bilangan atau jumlah penduduknya. Di Malaysia misalnya takrifan bandar ialah kepada jumlah penduduk minima sebanyak 10,000 orang (Lim Heng Kow, 1978).

Bandar mempunyai kaitan yang rapat dengan proses urbanisasi. Proses urbanisasi adalah suatu proses penumpuan penduduk ke kawasan yang telah dianggap sebagai bandar (Forbes 1996: 14-15). Proses ini biasanya melibatkan perpindahan penduduk daripada kawasan yang kurang padat (luar bandar) ke kawasan padat penduduk (bandar). Selain daripada melibatkan proses penumpuan penduduk, pengertian urbanisasi juga turut melibatkan aspek perubahan sosial dan

budaya. Breese (1969) misalnya menghujahkan bahawa proses urbanisasi bukan sahaja melibatkan perubahan tempat tinggal dan struktur pekerjaan penduduk tetapi juga turut melibatkan pola perlakuan manusia yang tinggal di dalamnya. Justeru itu, pengertian urbanisasi bukan sahaja boleh didefinisikan sebagai proses penghijrahan penduduk ke kawasan bandar, malah proses urbanisasi juga boleh dikaitkan dengan masyarakat bandar yang telah mengalami perubahan di dalam corak kehidupan dan gaya hidup mereka.

Penulisan tentang perbezaan corak kehidupan masyarakat bandar dan luar bandar termasuk tentang gaya hidup mereka pernah ditulis oleh karyawan Islam. Misalnya di dalam karya *Ibn Khaldun*¹⁸ yang terkenal *Mugaddimah*, dalam bab keempatnya, telah membincangkan dengan panjang lebar bentuk dan ciri kehidupan bandar dan luar bandar. Penggunaan istilah seperti *Umran*, *Hadarah* (*kehidupan bandar*), *Badawah* (*kehidupan luar bandar*), *Assabiyah*, *Mulk*, dan *Dawlah*, telah digunakan oleh Ibn Khaldun untuk menjelaskan keadaan masyarakat bandar dan luar bandar termasuk gaya hidup

¹⁸ Ibn Khaldun adalah merupakan seorang negarawan, sejarawan, ensaiklopedis, sosiologis dan pemikir terbilang di dalam dunia Islam. Buah fikiran dan karya beliau telah lama menjadi bahan rujukan yang berautoriti dan sumber inspirasi kepada para ilmuan Muslim dan bukan

mereka. Perbincangan beliau tentang kehidupan bandar dan luar bandar ini sebenarnya telah mendahului pandangan dan pendapat ahli sosiologi barat yang terkenal seperti Auguste Comte, Herbert Spencer, Emile Durkheim dan Max Weber (Mohd Razali Agus, 1998:105) dan sebagainya yang menceritakan tentang masyarakat bandar.

Di negara Barat perbincangan tentang gaya hidup bandar turut mendapat tempat. Di Amerika Syarikat misalnya kajian perbandaran yang terkenal telah dilakukan oleh **Chicago School**. Semenjak tahun 1915 sehingga akhir tahun 1970-an sekolah ini telah melahirkan ramai pengkaji bandar yang terkenal. Antaranya ialah Burgess (1935), Wirth (1938), Park (1961), Gans (1962).

Teori bandar dan urbanisasi yang telah dihasilkan oleh institusi ini boleh dibahagikan kepada dua. Pertama ialah tentang teori ekologi manusia dan keduanya ialah teori yang melihat pembandaran sebagai satu cara hidup Wirth (1938). Istilah ekologi manusia mulanya telah diperkenalkan oleh Park Dan Burgess (1921). Park menegaskan bahawa ekologi biologi yang terdapat di dalam teori evolusi Darwin juga,

Muslim klasik dan moden. Antara karya beliau yang paling terkenal ialah

sebenarnya boleh dilihat berlaku di dalam masyarakat manusia. Untuk menjelaskan tentang penerapan prinsip ekologi dalam masyarakat manusia, Park menggunakan dua unsur utama, iaitu unsur biotik dan unsur budaya. Unsur biotik ialah unsur dasar manakala unsur budaya berlaku diatas unsur biotik. Unsur biotik yang akan menentukan sama ada berlaku penyesuaian manusia dengan alam ataupun tidak. Sekiranya proses penyesuaian ini tidak berlaku maka akibatnya masyarakat berkenaan akan pupus. Maka pada masa inilah terjadinya pertandingan dan perhubungan antara manusia dalam usaha untuk meneruskan hidup. Kenyataan Park (1961) ini mempunyai persamaan dengan teori evolusi Darwin yang mengatakan bahawa pertandingan antara binatang dan tumbuhan membawa kepada penyesuaian mereka dan menyebabkan sebahagiannya lebih dominan daripada yang lain di alam semulajadi (Park, 1961:25).

Dalam kes urbanisasi, Park (1961) membahagikan kawasan-kawasan di dalam bandar mengikut fungsi-fungsi tertentu. Park membahagikan kawasan berdasarkan kepada fungsinya kepada beberapa bahagian, seperti kawasan pusat perniagaan, kawasan sub-bandar industri, kawasan kediaman, dan kawasan

Muqaddimah, (Mohd. Nasir Omar, 1998: 7)

sesak (Park, 1961:47). Kesemua kawasan ini terbentuk akibat pertandingan individu dan kumpulan untuk mendapatkan ruang. Manakala unsur budaya berlaku di atas unsur biotik tersebut. Unsur budaya adalah unsur struktur sesebuah masyarakat yang biasanya berasaskan kepada adat, norma, undang-undang, dan institusi sosial. Ia juga turut melibatkan aspek lain manusia iaitu akal (*reason*), moral dan psikologi.

Keadaan tersebut boleh diumpamakan seperti sebuah kawasan kediaman yang diduduki oleh kelas pekerja. Kawasan tersebut mempunyai lokasi dan harga yang termampu dibeli oleh kelas pekerja untuk membeli rumah dan membayar kos pengangkutan ke tempat kerja. Ini adalah unsur biotik. Setelah kawasan tersebut membangun, kawasan tersebut akan mempunyai norma, nilai, institusi yang tertentu seperti sekolah, rumah ibadat dan sebagainya. Unsur ini ialah unsur budaya. Walau bagaimanapun kritikan yang telah diberikan kepada teori urbanisasi Park ini ialah kesukaran untuk membezakan perlakuan manusia secara empirikal antara unsur budaya dan unsur biotik (Alihan, 1964).

Manakala, pendekatan budaya di dalam pengajian perbandaran telah dimulakan oleh Louis Wirth (1938). Di dalam mengemukakan teori perbandarannya, pendapat Wirth (1938) mempunyai persamaan dengan perbezaan budaya antara kelompok *gemeinschaft* (tradisional) dengan *gessellschaft* (bandar).¹⁹ Simmel (1950) pula, telah membahaskan persoalan tentang budaya tradisional dan bandar ini di dalam karyanya yang terkenal iaitu, ***The Metropolis And Mental Life*** (1950). Beliau berpendapat bahawa rangsangan berterusan yang timbul daripada faktor kebisingan, kesesakan dan persekitaran bandar telah membuatkan seseorang mempunyai sikap bosan terhadap apa yang berlaku di persekitarannya. Sikap ini menyebabkan mereka menapis apa yang mereka dengar dan lihat dan tindakan ini membantu mereka mengawal kepenatan emosi. Akibatnya penduduk bandar kelihatan kurang mesra (**cold**), kurang bertimbangrasa (**heartless**) dan kurang mempertimbangkan (**totally indifferent**) kepada perasaan dan

¹⁹ Istilah *gemeinschaft* dan *gessellschaft* mula digunakan oleh seorang ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies (1963). Dari segi hubungan sosial, *gemeinschaft* merangkumi interaksi sosial yang melibatkan hubungan primary yang rapat dan bersemuka (*face to face*), tradisi dan mempunyai matlamat yang sama. Sebaliknya *gessellschaft* merujuk kepada hubungan sosial yang lebih spesifik, *impersonal*, *instrumental* dan bersifat *secondary*. Dari sudut masyarakat *gemeinschaft* ialah masyarakat yang mempunyai hubungan sosial berdasarkan kepada ikatan kekeluargaan dan ikatan persahabatan yang rapat. *Gessellschaft* adalah jenis masyarakat yang mempunyai hubungan *secondary* yang lebih kuat. Ikatan sosial kumpulan ini lebih bercorak sukarela, *contractual* dan berdasarkan kepada kepentingan sendiri (Lihat Ting Chew Peh, 1985:67)

tindakan orang lain. Gaya hidup begini sudah tentu bertentangan sekali dengan gaya hidup di sebuah pekan kecil atau kampung.

Hasil daripada pemerhatian dan kajian Wirth (1938) kepada bandar Chicago pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, beliau telah memberikan definisi yang mudah tentang bandar iaitu, suatu kawasan yang secara perbandingannya besar dan luas, padat dan mempunyai penduduk yang heterogeniti/beranekaragaman. Berasaskan kepada bilangan, kepadatan dan keanekaragaman ini beliau mengutarakan bahawa masyarakat bandar telah membentuk struktur sosial di mana perhubungan kumpulan pertama (*primary group relationships*) telah digantikan dengan perhubungan jenis kedua (*secondary relationships*) iaitu *impersonal, segmental, superficial, dan transitory*. Sebagai akibatnya, penduduk bandar mempunyai sifat yang *anonymous*,²⁰ *sekular*,²¹ *rasional*²² dan sofistikated (Gans 1962:626).

²⁰ Juga disebut anomie. Konsep ini menggambarkan satu situasi sosial dimana norma-norma sosial telah hilang atau menjadi lemah atau nilai-nilai itu bertentangan antara satu sama lain. Individu yang terperangkap dalam keadaan anomie biasanya kehilangan pegangan moral, kawalan sosial dan menjadi serba salah.

²¹ Dalam pengertian yang luas, konsep sekular berhubung dengan proses keruntuhan peranan agama dalam masyarakat yang mengakibatkan masyarakat bercorak *rasional, materialis* dan *utilitarian*. Masyarakat sekular ialah masyarakat yang mempunyai aspek kehidupan sosial yang bebas daripada

Ketiga-tiga ciri tersebut juga pada pendapatnya adalah pengancam kepada perhubungan jenis pertama iaitu rapat dan mesra. Menurut beliau penduduk bandar yang ramai dan padat tidak mungkin untuk setiap individu berupaya untuk mengenali semua orang, sentiasa bertemu dengan orang baru dan berhubungan secara superficial. Kepadatan ini juga boleh melahirkan perpecahan dan kegelisahan kerana sukar untuk mendapat ruang untuk bersendirian (Wirth 1975:35).

Wirth (1938) juga bersetuju dengan pendapat Simmel (1950) di dalam memerihalkan keasingan penduduk bandar antara seorang dengan seorang yang lain walaupun mereka kelihatan rapat secara fizikal. Di dalam keasingan inilah, setiap orang cuba melindungi diri mereka dengan menjalinkan hubungan *impersonal*. Tambahan pula kehidupan bandar bersifat pelbagai dan mengkhusus. Seseorang terpencil (*alienated*) dalam dunia kecilnya sendiri serta terlalu kurang berhubungan dengan orang sekelilingnya walaupun

penguasaan simbol dan institusi agama iaitu kuasa dan pengaruh agama semakin berkurangan (lihat Ting Chew Peh, 1985:117).

²² Dari segi interaksi sosial dan nilai peribadi, nilai yang rasional bermaksud perubahan nilai sosial dan hubungan sosial daripada keadaan yang bersifat *primary*, *communal* dan *tradisional* kepada keadaan yang bersifat *secondary* dan *impersonal*. Menurut pembahagian perlakuan sosial oleh Weber, perlakuan Zweckrational menjadi amat berpengaruh, mengatasi perlakuan efektif dan tradisional. Rasional juga membawa implikasi satu peralihan daripada ukuran-ukuran askripsi kepada ukuran yang berdasarkan

tinggal berdekatan. Perhubungan lebih banyak berdasarkan kepada perhitungan kepentingan diri sendiri tetapi bukan atas dasar kemesraan. Corak perhubungan sebegini menyebabkan perhubungan mereka dengan orang lain begitu berhati-hati dan berjaga-jaga (*reserve*) terutamanya di dalam perhubungan sosial mereka. Keadaan ini disebut sebagai *urban consciousness*. Mereka menyedari bahawa dalam suasana kepentingan diri lebih diutamakan, berkemungkinan ada sesuatu di sebalik hubungan yang terjalin itu seperti kata perumpamaan, 'ada udang di sebalik batu'. Lantaran kewujudan kesedaran ini, kelihatan penduduk bandar dapat bergaul sesama mereka tetapi pergaulan itu tidak mempunyai kemesraan.

Begitu juga dengan ciri heterogeniti. Ciri ini juga merosakkan hubungan personal. Apabila setiap jiran tidak memiliki nilai, norma dan sikap yang sama, mereka akan hilang rasa kekitaan. Ketiadaan rasa kekitaan boleh membuatkan seseorang itu mengelak untuk bergaul mesra. Keadaan ini juga menimbulkan sikap dingin dan tidak peduli. Sikap sebegini pada suatu segi yang lain, boleh juga dianggap toleran. Namun toleransi yang timbul daripada pencapaian. Ini bererti faktor-faktor seperti agama, ras, keturunan dan

keadaan ini bukanlah diasaskan kepada penerimaan umum terhadap sifat itu tetapi kerana para anggotanya mengambil sikap berjaga-jaga. Begitu juga dengan hubungan kejiranan (Wirth 1975:39).

Pandangan Wirth (1938) ini telah menerima kritikan. Antara kritikan itu ialah kritikan yang telah dibuat oleh Herbert Gans (1962). Gans berpendapat sungguhpun, tulisan Wirth adalah suatu pandangan yang klasik dan sering menjadi rujukan kepada perbahasan tentang budaya hidup di bandar, namun persekitaran bandar sudah jauh berubah semenjak tahun 1938, termasuk juga perubahan di bandar Chicago sendiri. Umpamanya telah berlaku kemunculan kawasan suburb (pinggir bandar) dan disentralisasi/penyelerakan kawasan industri. Gans menyebut bahawa apa sebenarnya yang dikemukakan oleh Wirth itu adalah tentang budaya dan masyarakat industri. Kenyataan ini boleh dibuktikan daripada pendekatan yang telah digunakan oleh Wirth (1938) sendiri. Analisis Wirth adalah berdasarkan perbandingannya dengan bentuk-bentuk petempatan masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar atau antara masyarakat pre-industri dengan masyarakat industri. Keadaan ini juga menyebabkan Wirth (1938) turut

daya penarik tidak lagi relevan berbanding prestasi dan pencapaian.

menyebut institusi-institusi organisasi moden yang tidak terdapat di dalam masyarakat luar bandar. Tambahan pula, konsep Wirth (1938) tentang sifat penduduk bandar sebagai *depersonal*, *atomized*, aktif dalam pergerakan masyarakat sebenarnya adalah gambaran yang jelas tentang masyarakat massa.²³ Justeru itu, kesimpulan yang telah dibuat oleh Wirth (1938) tidaklah boleh digeneralisasikan kepada semua kawasan bandar (Gans 1962:627).

Wirth (1938), menghujahkan bahawa bilangan, kepadatan dan heterogeneiti mempunyai dua kesan sosial yang boleh menerangkan tentang sifat-sifat kehidupan bandar. Kesan sosial yang pertama ialah pengelompokan pelbagai jenis manusia ke kawasan kecil yang kemudiannya membawa kepada kesan segregasi melalui pembahagian kawasan kejiranan. Kedua jarak fizikal antara satu petempatan dengan petempatan yang lain menjadi semakin mengecil yang

²³ Masyarakat massa ialah satu unit sosio politik yang besar dan moden, seperti satu negara, yang muncul akibat perubahan teknologi, perindustrian dan pemodenan dan dicirikan dengan tingkah laku massa dan kebudayaan massa. Tingkah laku masyarakat massa ini adalah berdasarkan kepada perhubungan yang impersonal dan tidak langsung di kalangan anggotanya yang besar dan kompleks serta beraneka ragam.

mengurangkan perhubungan persempuanan sosial berlaku dan menggalakkan proses asimilasi.²⁴

Menurut Gans (1962) penentuan Wirth (1938), tentang gaya hidup bandarnya adalah berasaskan kepada tiga pertimbangan iaitu, kesimpulan yang berpunca daripada kajiannya terhadap pusat bandar Chicago dan kemudiannya digeneralisasikan kepada keseluruhan kawasan bandar. Kedua, tidak ada bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa bilangan, kepadatan dan heterogeneiti menghasilkan kesan-kesan sosial yang telah diungkapkan oleh Wirth (1938). Ketiganya, di dalam situasi perhubungan secara kebetulan yang menepati ciri-ciri perhubungan sebagaimana yang diuraikan oleh Wirth (1938), sebenarnya sebahagian besarnya adalah akibat daripada struktur sosial masyarakat dan faktor budaya yang dibawa dan dipelajari di kawasan petempatan yang baru (Gans 1962:627).

Gans (1962) kemudiannya menyarankan bahawa aspek sosial dan budaya masyarakat di pusat bandar boleh diuraikan dengan

²⁴ Asimilasi ialah satu proses percantuman dan penyatuan di antara kelompok yang berlainan kebudayaan membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama. Dalam kajian sosiologi, ia bermaksud penyerapan sehala kelompok ke dalam kelompok yang lain. Ia juga boleh dipanggil sebagai percantuman kebudayaan (Lihat Ting Chew Peh, 1985:9)

membuat analisis ringkas kepada lima jenis golongan yang terdapat di kawasan pusat bandar (*inner city*) iaitu golongan kosmopolitan (*cosmopolites*), golongan yang tidak berkahwin dan golongan yang tidak mempunyai anak (*unmarried and childless*), penghuni di kampung-kampung ethnik (*ethnics villagers*), golongan malarat (*deprived*) dan golongan yang tidak berdaya (*the trapped and downward mobile*). Kelima-lima golongan ini mempamirkan gaya hidup yang tidak serupa sebagaimana yang telah dihujahkan oleh Wirth (1938). Sebaliknya kelima-lima golongan ini menunjukkan gaya hidup yang berbeza antara satu sama lain. Gans (1962) menghujahkan bahawa gambaran tentang gaya hidup oleh Wirth (1938) itu sebenarnya menggambarkan tentang sifat sebahagian penghuni bandar yang biasanya jarang menetap di pusat bandar secara kekal. Justeru itu, mereka hanya berhubung berdasarkan kepada keperluan tertentu atau atas dasar kepentingan sebagaimana yang diuraikan oleh Wirth (1938) sebagai *anonymity, impersonality and superficiality*. Justeru itu, sifat-sifat sosial yang telah diketengahkan oleh Wirth (1938) tentang gaya hidup bandar adalah kesan daripada ketidakstabilan sifat penghuni bandar itu sendiri berbanding dengan faktor bilangan penduduk yang ramai, padat dan bersifat heterogeneiti (Gans 1962:631-633).

Ketidakstabilan penghuni ini terdapat di dalam mana-mana petempatan dan kesan ini tidak boleh diidentifikasi kepada gaya hidup keseluruhan penghuni bandar.

Analisis Wirth (1938) juga tidak membezakan gaya kehidupan bandar di dalam kawasan bandar yang lain di dalam sesebuah masyarakat moden. Penilaian semula terhadap kesimpulan Wirth tentang artikelnya "*Urbanism as a way of life*" hanya boleh diaplikasikan kepada masyarakat di pusat bandar (inner city) juga adalah kurang tepat, sedangkan penduduk bandar di kawasan seperti pinggir bandar 'misalnya menunjukkan gaya kehidupan yang mirip gaya hidup yang dikatakan oleh Wirth (1938). Gaya hidup ini dipanggil oleh Gans (1962) sebagai *quasi-primary* (Gans 1962: 627). Walau bagaimanapun, Wirth (1938) tidak menjelaskan secara terperinci tentang kawasan ini.

Menurut Gans (1962) kesan kedua yang dikatakan oleh Wirth (1938) iaitu bilangan, kepadatan dan heterogeneiti mewujudkan segregasi masyarakat mengikut kawasan kejiranannya berdasarkan kepada faktor tempat kerja, pendapatan, kaum, kriteria ethniki, status sosial, budaya, kebiasaan sebenarnya menjelaskan tentang keadaan masyarakat di

kawasan pinggir bandar. Berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian Gans (1962) terhadap masyarakat di kawasan pinggir bandar, Gans mengatakan masyarakat di kawasan ini juga menunjukkan perhubungan mirip gaya hidup yang diutarakan oleh Wirth (1938). Walau bagaimanapun, sifat perhubungan persempuaan mereka adalah lebih mesra daripada perhubungan sekunder tetapi lebih terkawal daripada perhubungan jenis pertama (Gans 1962: 634).

Malah Gans (1962) turut menerangkan tentang perbezaan gaya hidup kawasan bandar dan kawasan sub-bandar' seperti berikut;

- (i) Kawasan sub-bandar biasanya adalah merupakan kawasan kediaman,
- (ii) Kawasan ini terletak jauh sedikit daripada kawasan Daerah Pusat Perniagaan (CBD) tetapi masih boleh dihubungi dengan pengangkutan seperti kereta,
- (iii) Kawasan sub-bandar adalah kawasan kediaman yang baru dan moden berbandaing kawasan kediaman di pusat bandar
- (iv) Kawasan ini biasanya dihuni oleh mereka yang telah berkeluarga dan kurang padat
- (v) Kawasan ini mempunyai sifat yang lebih seragam

(vi) Dari segi demografinya, masyarakat di kawasan kediaman di sub-bandar ini adalah lebih muda, berkahwin, mempunyai pendapatan yang tetap dan biasanya gologan pekerja kolar putih (Gans, 1962:636).

Menurut Gans (1962), sifat kediaman di kawasan sub-bandar ini juga mempunyai kesan terhadap perhubungan kejiranan. Ruang untuk bersemuka di kawasan kediaman di sub-bandar adalah lebih terbuka kerana sifat rumah di kawasan pinggir bandar yang biasanya adalah homogenous. Bentuk perumahan di kawasan pinggir bandar adalah rumah teres yang terletak sebelah menyebelah berbanding dengan rumah pangsa atau flat di pusat bandar yang mempunyai struktur rumah yang lebih heterogenous. Di samping itu bentuk kawasan kediaman di pinggir bandar yang homogenous juga menyebabkan perhubungan sosial adalah lebih rapat berbanding dengan kawasan kediaman di pusat bandar yang bersifat heterogenous (Gans, 1962:637).

Selain daripada itu Gans (1962) juga mengatakan bahawa tidak ada bukti yang jelas jumlah, kepadatan dan heterogeneity mengakibatkan wujudnya pola-pola kehidupan seperti yang digambarkannya itu. Sebaliknya menurut Gans

(1962) penerimaan pola hidup yang tidak stabil sebagaimana yang dijelaskan oleh Wirth (1938) sebagai *depersonal*, berpecah-pecah (*atomized*), perasa (*susceptible*) adalah kerana sifat penghuni bandar itu sendiri yang jarang tinggal tetap di dalam kawasan yang sama. Kawasan pusat bandar adalah kawasan tetap (*transient areas*), cuma penghuninya yang sentiasa akan bertukar ganti (Gans 1962:628). Dengan itu, pola kehidupan yang tidak mesra, impersonal, mencurigai dan tidak mempedulikan orang lain adalah kerana ketiadaan sifat-sifat kestabilan penghuni bandar itu sendiri (Gans 1962:627).

Gans akhirnya menyarankan bahawa untuk menerangkan tentang gaya hidup bandar, Wirth sepatutnya membezakan kawasan pusat bandar dengan kawasan pinggir bandar. Disamping itu, gaya hidup di pusat bandar sebagaimana yang digambarkan oleh Wirth (1938) mempunyai batasannya. Tambahan pula, faktor ekonomi, jenis budaya, pusingan hidup, ketidakstabilan kawasan petempatan adalah faktor yang lebih baik untuk menerangkan tentang gaya hidup di kawasan pusat bandar berbanding faktor bilangan, kepadatan dan heterogeneiti (Gans, 1962:639).

Malah Gans (1962) turut bersetuju dengan pendapat Park (1961) bahawa apa yang telah dihujahkan oleh Wirth (1938) itu sebenarnya banyak berdasarkan kepada prinsip ekologi iaitu bagaimana masyarakat manusia menyesuaikan diri mereka terhadap persekitaran bandar yang terdiri daripada penduduk yang ramai, berkepadatan penduduk yang tinggi dan bersifat heterogeneiti. Gans (1962) menambah hujah Wirth (1938) menjadi lebih tepat sekiranya faktor-faktor lain seperti yang tidak dihuraikan oleh Wirth (1938) iaitu kelas dan peringkat pusingan hidup serta kekeluargaan tidak mempengaruhinya. Ini adalah kerana penyesuaian seseorang individu terhadap persekitaran mereka juga bergantung kepada kumpulan masyarakat yang mereka anggotai, umur, pendidikan, kaum/ethnik dan jenis pekerjaan. Contohnya penyesuaian golongan masyarakat dari kumpulan berpendidikan tinggi mungkin berbeza dengan penyesuaian yang dialami oleh kumpulan masyarakat daripada golongan berpendidikan sederhana dan rendah. Oleh yang demikian sudah pasti dua kumpulan masyarakat ini mempamirkan gaya hidup yang berbeza.

Gambaran yang telah diberikan oleh Gans (1962) ini bukan sebuah gambaran masyarakat bandar yang unik. Masyarakat di

Kampung Dato' Keramat adalah contoh masyarakat bandar yang tinggal di kawasan yang telah dipanggil oleh Wirth (1938) sebagai *inner-city*. Kawasan kampung ini juga boleh dipanggil kawasan sesak kerana kawasan ini sering mendapat tumpuan setinggan bandar. Namun demikian, kehidupan penduduk di kawasan kampung ini, tidak menepati ciri-ciri gaya hidup sebagaimana yang diutarakan oleh Wirth (1938) sebagai kurang mesra, impersonal, *alienated* dan sebagainya. Masyarakat di kampung ini mempamirkan gaya hidup yang harmoni di dalam menjalankan perhubungan sosial. Walaupun corak perhubungan mereka tidak serapat dan semesra perhubungan masyarakat kampung di luar bandar, namun mereka tidaklah mengamalkan sikap mengasingkan diri daripada bertemu dengan ahli masyarakat yang lainnya. Perhubungan kejiranannya masih wujud terutamanya jika jiran adalah daripada bangsa yang sama. Apabila mereka berjalan di kawasan sekitar kampung mereka tidaklah merasa seperti berjalan di kawasan yang terlalu asing bagi mereka. Mereka bertegur sapa dengan orang yang mereka kenali dan mereka juga mudah untuk dihampiri.

Daripada aspek pembangunan perumahan pula, jelas kampung Dato' Keramat mempunyai lokasi pembangunan perumahan yang

sangat baik. Namun status kampung ini sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu menyebabkan kampung ini berupaya mengekalkan fungsinya sebagai kampung ethnik Melayu di Kuala Lumpur seperti Kampung Baru. Ciri-ciri keseragaman/homogenous dari segi ethnik dan aspek perumahan Melayunya di kampung ini masih dapat dikekalkan. Walaupun, wujudnya imigran-imigran Indonesia, namun asas ugama dan kebudayaan yang serupa dapat mengekalkan unsur-unsur keseragaman antara masyarakat di kampung ini.

5.1 Pola Pemilikan Alat Kelengkapan Rumah & Gaya Hidup

Kajian ini juga bertujuan untuk mempamirkan tentang gaya hidup masyarakat di Kampung Dato' Keramat. Aspek gaya hidup yang dilihat dalam kajian ini ialah dari segi pemilikan kenderaan dan juga pemilikan peralatan kelengkapan rumah.

5.1.1 Pemilikan Kenderaan

Bagi kebanyakan masyarakat pemilikan rumah dan pemilikan kenderaan seringkali melambangkan status atau taraf kehidupan sesebuah keluarga. Lebih-lebih lagi kehidupan bagi masyarakat bandar yang seringkali ditafsirkan sebagai

masyarakat yang mempunyai status kehidupan ekonomi bukan pertanian yang sering pula dikaitkan sebagai mempunyai pendapatan yang lebih lumayan. Masyarakat bandar juga sering mengaitkan faktor pemilikan kenderaan sebagai lambang status ekonomi mereka. Dalam kajian ini, walaupun Kampung Dato' Keramat dihubungkan dengan sistem pengangkutan awam yang baik seperti bas, teksi atau sistem transit aliran ringan (LRT), namun rata-rata penghuni di kawasan ini mempunyai pemilikan kenderaan sendiri. Jenis kenderaan yang mereka miliki termasuklah motorsikal, kereta, van dan gabungan diantaranya. Jadual 4.1 menunjukkan taburan pemilikan kenderaan di kawasan kajian.

Jadual 4.1 Taburan Pemilikan Kenderaan Responden

Jenis kenderaan	Bilangan	Peratus
Tiada	24	16.0
Basikal	6	4.0
Motorsikal	36	24.0
Kereta	36	24.0
Van	15	10.0
Kereta & Motor	28	18.7
Van & Motor	5	3.3
Jumlah	150	100.0

Daripada jadual 4.1 di atas menunjukkan 84% responden memiliki kenderaan sendiri. Jenis kenderaan terbanyak yang dimiliki oleh responden ialah kereta dan motor dengan bilangan sebanyak 36 buah atau 24 peratus. Keadaan ini juga boleh dikaitkan dengan faktor ekonomi responden yang agak stabil yang membolehkan mereka memiliki kenderaan sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang memiliki kenderaan persendirian yang bukan kereta iaitu van. Seramai 15 orang responden atau 10 peratus responden memiliki kenderaan ini. Hakikat ini adalah berasas memandangkan status pekerjaan responden sebagai peniaga memerlukan mereka memiliki van untuk pengangkutan barang-barang untuk berniaga.

Pemilikan kenderaan ini juga boleh dikaitkan dengan status ekonomi penduduk di kawasan perumahan 'RIDA' ini. Didapati daripada kajian responden mempunyai lebih daripada gabungan dua jenis kenderaan. Seramai 28 responden atau 18.7 peratus mempunyai kereta dan motor manakala, 5 orang responden memiliki kenderaaan van dan motor. Keadaan ini juga berasas kerana motor seringkali digunakan untuk pergi ke tempat kerja kerana iaanya lebih mudah mengharungi kesesakan jalanraya dan untuk perjalanan jarak dekat. Manakala kereta

dan van pula digunakan kebanyakannya untuk membawa keluarga atau keluar bermiaga. Hakikat ini juga menandakan bahawa status ekonomi penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' adalah baik memandangkan mereka boleh memiliki kenderaan seperti motorsikal, kereta dan juga van. Basikal pula biasanya digunakan di kawasan perumahan sendiri atau untuk dibawa ke sekolah yang terletak di kawasan berhampiran. Dan kebanyakannya pengguna basikal ini adalah terdiri daripada anak-anak responden sendiri.

Daripada aspek pemilikan kenderaan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pemilikan kenderaan bagi penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' adalah lebih melambangkan keperluan kehidupan di kawasan bandar. Walaupun, pengangkutan awam di kawasan ini sangat cekap namun pemilikan kenderaan lebih memudahkan pergerakan mereka. Meskipun demikian, faktor pemilikan kenderaan masih lagi melambangkan gaya hidup mereka. Paling tidak pemilikan kenderaan menggambarkan keupayaan mereka untuk bersaing dari segi ekonomi. Yang pastinya penghuni yang memiliki kenderaan persendirian mempunyai pendapatan bulanan yang lebih baik jika dibandingkan dengan penghuni yang tidak

memiliki kenderaan persendirian. Jelas bahawa keadaan ini juga menggambarkan kemampuan dan status ekonomi mereka.

5.1.2 Pemilikan Kerusi Set

Louis Wirth (1938) mendefinisikan masyarakat bandar sebagai sebuah masyarakat yang mempunyai ciri kehidupan yang sofistikated. Sofistikated di sini bermaksud bukan sahaja mempunyai ciri-ciri citarasa kehidupan yang tinggi dan pelbagai, malah ia juga boleh dikaitkan dengan kepelbagaian pemilikan peralatan rumah. Keadaan ini juga boleh dilihat dari sudut pemilikan harta dan alat kelengkapan rumah yang membantu mereka menjalani kehidupan bandar dengan lebih mudah dan sempurna. Oleh itu, kajian ini turut memperincikan peralatan dan alat kelengkapan milik isi rumah bagi menjelaskan corak dan gaya hidup komuniti di kawasan perumahan 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat yang boleh juga ditafsirkan sebagai kawasan kampung di tengah bandar.

Alat kelengkapan rumah seperti kerusi set, televisyen, peti sejuk, perakam video, mesin basuh, kipas, komputer, telefon dan sebagainya lagi adalah merupakan peralatan rumah yang

biasa dimiliki oleh isi rumah di bandar. Peralatan ini bukanlah merupakan satu keperluan tetapi ia lebih berfungsi untuk melengkapkan keselesaan berkeluarga. Rata-rata rumah di bandar mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kerusi set. Daripada kajian yang dijalankan juga membuktikan hakikat ini. Daripada 150 rumah terdapat 117 buah rumah atau 78% yang mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kerusi set. Hanya seramai 33 rumah yang tidak mempunyai kerusi set. Jumlah ini mungkin terdiri daripada penghuni bujang yang tidak menghiraukan keperluan untuk berbincang bersama keluarga dan beristirahat bersama keluarga di ruang tamu: Justeru itu, keperluan untuk memiliki kerusi set seperti keluarga lain tidaklah terlalu mendesak. Jadual 4.2 menunjukkan taburan pemilikan kerusi set.

Jadual 4.2 Taburan Pemilikan Kerusi Set

Taraf Pemilikan	Bilangan	Peratus
Memiliki	117	78.0
Tidak Memiliki	33	22.0
Jumlah	150	100.0

5.1.3 Pemilikan Televisyen

Pemilikan alat kelengkapan rumah seperti televisyen juga merupakan satu kemestian bagi masyarakat yang tinggal di bandar. Di kawasan perumahan golongan elit di bandar pemilikan lebih daripada sebuah televisyen di bandar adalah merupakan suatu kebiasaan yang menggambarkan taraf sosio-ekonomi mereka. Peti televisyen bukan sahaja terdapat di ruang tamu malah di setiap bilik tidur utama juga dilengkapi dengan televisyen. Selain itu pemilikan televisyen di sesebuah rumah juga berkait rapat dengan jenis rumah yang didiami mereka. Pada kebiasaannya rumah yang kecil ruangnya memadai mempunyai sebuah peti televisyen sahaja berbanding dengan rumah yang telah diubahsuai sehingga mempunyai ruang yang lebih luas dan selesa.

Jadual 4.3 Taburan Pemilikan Televisyen

Bil Televisyen	Bil. Rumah	Peratus
0	4	2.6
1	123	82.0
2	16	10.6
3	7	4.6
Jumlah	150	100.0

Jadual tersebut jelas mempamirkan bahawa terdapat penghuni yang memiliki lebih daripada sebuah televisyen. Keadaan ini juga berkait dengan taraf sosio-ekonomi penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' tersebut. Justeru itu boleh juga dikatakan kebanyakan pemilik yang telah melakukan pengubahsuaian kepada rumah mereka mempunyai lebih daripada sebuah peti televisyen.

5.1.4 Pemilikan Siaran Televisyen Kabel

Taburan pemilikan televisyen juga berkait rapat dengan pemilikan televisyen kabel seperti ASTRO dan MEGA TV. Pemilikan televisyen kabel adalah merupakan budaya baru bagi masyarakat bandar yang dahagakan masa untuk bersantai di rumah. Kesibukan mereka sehari-hari pada waktu-waktu bekerja dan bermula menyebabkan siaran televisyen merupakan salah satu bentuk hiburan yang agak popular di kalangan warga kota. Justeru itu tidak hairanlah siaran televisyen swasta yang tumbuh bagaiman cendawan selepas hujan mendapat perhatian daripada warga kota untuk tujuan berisytirehat bersama keluarga di rumah. Televisyen kabel ini mempunyai beberapa kelebihan seperti masa penyiaran yang lebih panjang dan lebih banyak rancangan yang

berbentuk hiburan. Selain daripada itu, masa penyiarannya juga boleh diubahsuai mengikut kehendak pengguna.

Penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' juga tidak terkecuali daripada memiliki siaran televisyen swasta ini. Daripada seramai 150 orang responden yang ditemui seramai 13 buah rumah atau 8.7% memiliki siaran ASTRO atau pun MEGA TV. Pemilikan siaran televisyen swasta boleh juga dikaitkan dengan tahap sosio-ekonomi sesebuah keluarga di bandar. Pemasangan siaran televisyen swasta bukanlah merupakan barang keperluan yang harus dimiliki oleh 'sesebuah keluarga sebagaimana perlunya pemilikan peti ais dan televisyen biasa yang menjadi sebahagian daripada kelengkapan sesebuah rumah. Tambahan pula, pemasangan siaran televisyen swasta ini memerlukan belanja yang bukan sedikit disamping sewa bulanan yang agak tinggi. Oleh kerana itu sudah pasti golongan yang berpendapatan sederhana rendah tidak akan melanggannya. Mungkin bilangan seramai 13 buah keluarga yang memiliki siaran televisyen swasta ini menggambarkan tahap sosio ekonomi yang lebih baik daripada bilangan ahli keluarga yang tidak memilikinya.

Jadual 4.4 Taburan Pemilikan Siaran Televisyen Kabel

Taraf Pemilikan	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Memiliki	13	8.7
Tidak Memiliki	137	91.3
Jumlah	150	100.0

5.1.5 Pemilikan Karaoke

Selaras dengan keperluan untuk bersantai ini, karaoke juga merupakan alat yang boleh digunakan untuk menghilangkan kebosanan. Karaoke bukan sahaja boleh digunakan untuk menyanyi malah ia juga boleh digunakan sebagai sumber pengajaran seperti untuk membaca Al-Quran dan sebagainya. Daripada kajian didapati peralatan karaoke juga dimiliki oleh penghuni di kawasan perumahan ini. Walau bagaimanapun bilangan pemilikannya hampir sama dengan bilangan pemilikan siaran televisyen kabel. Jadual 4.5 menunjukkan taburan pemilikan karaoke di kawasan perumahan 'RIDA'.

Jadual 4.5 Taburan Pemilikan Karaoke

Taraf Pemilikan	Bilangan(Orang)	Peratus (%)
Memiliki	10	6.7
Tidak Memiliki	140	93.3
Jumlah	150	100.0

5.1.6 Pemilikan Komputer Dan Internet

Penemuan sains dan teknologi telah menghasilkan peralatan baru seperti komputer, telefon bimbit, internet dan sebagainya yang telah memudahkan lagi urusan kehidupan. Penggunaan komputer misalnya bukan sahaja memudahkan urusan pejabat malah pada hari ini ia juga telah menjadi salah satu media terpenting untuk mengetahui isu-isu semasa khasnya bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan internet melalui komputer. Bukan itu sahaja, konsep dunia tanpa sempadan (*borderless world*) yang kerap diucapkan pada hari ini memungkinkan apa sahaja bentuk perkhidmatan yang diperlukan seperti isu-isu semasa, fesyen terbaru mahupun iklan-iklan perkhidmatan boleh diperolehi dengan mudah hanya dengan memetik suis komputer di rumah. Justeru itu tidak hairanlah sekiranya rumah-rumah yang terdapat di

bandar memiliki sekurang-kurangnya sebuah komputer di rumah.

Hakikat ini juga terbukti dikalangan penghuni di kawasan perumahan 'RIDA'. Terdapat seramai 38 orang responden atau sejumlah 25.3 peratus memiliki sekurang-kurang sebuah komputer di rumah. Dan daripada jumlah pemilik komputer ini 9 orang responden mempunyai perkhidmtan internet. Jumlah ini boleh dikategorikan sebagai jumlah yang agak besar khususnya di kawasan perumahan berstatus kos rendah ini. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa kesedaran komputer di kalangan penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' agak tinggi. Jadual 4.6 menunjukkan taburan pemilikan komputer dan internet dengan lebih jelas lagi.

Jadual 4.6 Taburan Pemilikan Komputer dan Internet

Taraf pemilikan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Kmputer(internet)	38 (9)	25.3 (6.0)
Tidak Memiliki	103	94.0
Jumlah	150	100.0

Hakikat pemilikan komputer ini juga melambangkan kepada kemampuan kewangan pemiliknya. Lebih daripada itu ia juga

melambangkan tahap keperluan seseorang kepada penggunaan komputer yang mempunyai kaitan dengan taraf pendidikan dan corak pekerjaan seseorang. Pada kebiasaan pemilik rumah yang mempunyai komputer menunjukkan sama ada mereka ialah pemegang diploma ata ijazah atau sama ada mereka mempunyai anak yang belajar di institut pengajian tinggi seperti di Institut Teknologi Mara. Keperluan untuk memiliki komputer adalah kurang bagi golongan yang berpendapatan rendah. Justeru itu bolehlah dikatakan bahawa komputer bukan barang keperluan sepertimana peti ais dan televisyen bagi sesbuah keluarga. Jelasnya boleh dikatakan pemilikan komputer boleh digunakan sebagai petunjuk atau indikator kepada gaya hidup atau status penghuni di kawasan bandar.

5.1.7 Pemilikan Telefon

Selain daripada komputer, telefon juga merupakan antara teknologi moden yang merupakan suatu kemestian bagi pemilik rumah di kawasan bandar. Bentuk perhubungan pada hari ini sangat memerlukan perkhidmatan telefon yang lebih mudah dan senang selain daripada perhubungan bersemuka untuk membuat sesuatu urusan. Tambahan pula rentak kehidupan bandar yang serba pantas dan cepat menjadikan perhubungan melalui

telefon sebagai media perhubungan yang cekap. Justeru itu tidak hairanlah hampir 72.7% responden atau 109 orang responden di kawasan kediaman ini mempunyai telefon sendiri di rumah.

Walaupun jumlah ini menunjukkan tidak semua penghuni di kawasan ini memiliki telefon di rumah. Keadaan ini adalah berasas sama sekali kerana bukan semua penghuni di kawasan ini adalah terdiri daripada rakyat tempatan. Justeru itu ini mungkin mempengaruhi taburan pemilikan telefon di kalangan mereka. Tambahan pula perkhidmatan telefon awam juga agak banyak dan ianya boleh digunakan tanpa perlu membayar sewa bulanan yang tetap setiap bulan.

Selain daripada itu perkembangan teknologi telekomunikasi juga turut membawa perubahan kepada bentuk dan corak perhubungan manusia pada hari ini. Selain daripada telefon biasa telefon bimbit atau "handphone" juga merupakan salah satu bentuk teknologi telekomunikasi yang popular pada hari ini. Telefon ini bukan sahaja kecil malah ia boleh dibawa ke mana-mana dan amat berguna kepada sesiapa sahaja. Justeru itu pemilikan telefon bimbit ini juga turut dimiliki oleh penduduk di kawasan kediaman ini.

Jadual 4.7 Taburan Pemilikan Telefon Bimbit

Taraf Pemilikan	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Memiliki	37	24.7
Tidak Memiliki	113	75.3
Jumlah	150	100.0

Daripada jadual 4.7 diatas didapati terdapat seramai 37 orang responden (24.7%) responden memiliki telefon bimbit. Jumlah ini boleh dikatakan agak tinggi jika dibandingkan dengan status penghuni rumah 'RIDA' ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini juga adalah berasas keraña kerana kebanyakan pemilik telefon bimbit ini merupakan dari kalangan peniaga dan orang-orang muda yang menggunakan sesuai dengan keperluan mereka. Hakikatnya walaupun harga telefon bimbit ini agak mahal dan pemiliknya pula terpaksa memperuntukkan sejumlah pendapatan mereka untuk bayaran sewa bulanan, namun nampaknya peralatan yang boleh melambangkan status pemiliknya agak popular di kalangan penghuni di sini.

5.1.8 Pemilikan Kad Kredit

Selain daripada komputer dan telefon bimbit, penggunaan kad kredit juga melambangkan gaya dan status masyarakat di bandar. Ketiga-tiga barang ini hanya dimiliki oleh mereka yang biasanya mempunyai lebih pendapatan yang boleh digunakan untuk membeli barang-barang tersebut. Kad kredit hanya boleh dimiliki oleh seseorang itu sekiranya mereka mempunyai pendapatan yang tetap dan simpanan tetap di dalam akaun bank melebihi RM 5,000.00 setahun. Justeru itu boleh dikatakan juga mereka yang mempunyai kad kredit biasanya mempunyai jumlah wang yang menyakinkan pihak bank untuk memberikan mereka kad kredit.

Pemilikan kad kredit ini juga terbukti di kalangan penghuni di kawasan perumahan 'RIDA'. Di dapati seramai 23 orang responden atau mewakili 15.3% memiliki kad kredit. Jumlah ini boleh dikatakan agak sederhana namun ia tetap dapat menunjukkan status penghuni yang mendiami di kawasan perumahan ini yang dahulunya adalah dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah. Jadual 4.8 menunjukkan taburan pemilikan kad kredit di kalangan penghuni di kawasan perumahan ini.

Jadual 4.8 Taburan Pemilikan Kad Kredit

Taraf Pemilikan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Memiliki	23	15.3
Tidak Memiliki	127	84.7
Jumlah	150	100.0

5.1.9 Pemilikan Alat Pendingin Hawa

Selain daripada itu, pendingin hawa juga boleh dikaitkan dengan kategori barang mewah. Pendingin hawa hanya dimiliki oleh mereka yang benar-benar mampu untuk membelinya. Harga sebuah pendingin hawa memang mahal jika dibandingkan dengan harga sebuah telefon bimbit dan komputer. Tambahan pula kos penyelenggaraan juga agak mahal kerana ia melibatkan penggunaan tenaga elektrik yang tinggi. Seandainya pendapatan bulanan hanya memadai untuk memenuhi keperluan kehidupan selama sebulan, tidak mungkin isi rumah di kawasan ini mampu untuk memiliki pendingin hawa di rumah mereka. Di kawasan perumahan 'RIDA' ini keadaan adalah disebaliknya. Di dapati seramai 16 buah rumah atau mewakili 10.7 % responden memiliki alat pendingin hawa di kediaman mereka. Walaupun kadar ini agak kurang signifikan namun ia tetap menunjukkan kedudukan ekonomi penghuni di kawasan

ini. Jadual 4.9 menunjukkan dengan jelas taburan pemilikan penghawa dingin di kawasan perumahan 'RIDA'.

Jadual 4.9 Taburan Pemilikan Penghawa Dingin

Taraf Pemilikan	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Memiliki	16	10.7
Tidak Memiliki	134	89.3
Jumlah	150	100.0

Selain daripada pemilikan barang-barang seperti di atas didapati barang-barang keperluan lain seperti peti ais, kipas meja dan kipas syiling, seterika elektrik, periuk elektrik dan sebagainya adalah merupakan barang-barang keperluan semasa yang dimiliki oleh setiap rumah di kawasan kediaman ini. Walaupun ada diantara resonden yang tidak memiliki barang-barang tersebut kebanyakannya daripada mereka adalah terdiri daripada penghuni bujang yang tidak merasakan keperluan barang tersebut sebagai mendesak. Tambahan pula di persekitaran kawasan perumahan ini sektor informal amat giat berkembang. Justeru itu adalah lebih mudah untuk mendapatkan bahan makanan di luar daripada memiliki barang-barang tersebut di rumah.

5.2 Persepsi Responden Terhadap Persekutaran Kawasan Rumah

Kajian ini juga turut melihat persepsi responden terhadap persekitaran rumah mereka. Antara bentuk persepsi yang diberikan untuk meminta pandangan mereka terhadap persekitaran perumahan 'RIDA' ini ialah, sama ada mereka bersetuju untuk menyatakan kawasan perumahan mereka lama dan lapok, meriah dan ceria, buruk dan kotor, cantik dan menarik, bersih dan kemas, baru dan rapi, aman dan tenteram serta sesuai untuk didiami. Hasil daripada kajian ditunjukkan seperti di dalam Jadual di bawah;

Jadual 5.0: Persepsi Responden Terhadap Persekutaran Perumahan Mereka

Bentuk Persepsi	Bilangan	Peratus (%)
Lama dan lapok	29	19.3
Meriah dan ceria	85	56.7
Cantik dan menarik	3	28.0
Bersih dan kemas	42	56.0
Baru dan rapi	84	21.3
Sesuai didiami	32	96.0
Aman dan tenteram	144	90.0

Daripada jadual 5.0 diatas, didapati bahawa kebanyakan responden berpendapat bahawa kawasan perumahan mereka adalah merupakan kawasan yang sesuai didiami serta aman dan tenteram dengan jumlah peratusan masing-masing ialah 96.0% dan 90.0%. Walau bagaimanapun, kurang responden berpendapat bahawa kawasan perumahan mereka ialah lama dan lapok (19.3%). Kenyataan ini mungkin berasas kerana penggunaan perkataan lapok di dalam kajian ini mungkin mengelirukan mereka. Namun, nilai peratus yang hampir sama (28.0%) juga diberikan oleh responden bila ditanya pandangan tentang adakah kawasan kediaman mereka baru dan rapi.

Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa responden di kawasan ini kurang menghiraukan aspek-aspek seperti

kecantikan dan kekemasan kawasan perumahan mereka. Apa yang mereka pentingkan ialah kesesuaian kawasan tersebut untuk didiami di dalam keadaan aman dan tenteram.

5.2.1 Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Kediaman.

Kajian ini juga melihat persepsi responden terhadap kemudahan asas yang disediakan di kawasan perumahan ini. Tiga jenis kemudahan asas yang dinilai ialah dari segi perkhidmatan air dan elektrik. Keputusan kajian yang ditunjukkan dalam jadual 5.1 dibawah membuktikan bahawa perkhidmatan kemudahan asas yang diberikan kepada kawasan perumahan ini adalah pada tahap sangat memuaskan. Keputusan ini boleh dikatakan berdasarkan kerana kedudukan Kampung Dato' Keramat terletak di tengah-tengah kawasan perumahan bandar. Justeru itu, masalah untuk mendapatkan bekalan kemudahan asas tidak wujud sama sekali. Kajian ini juga menunjukkan bahawa Kampung Dato' Keramat mempunyai prasarana infrastruktur yang cukup baik.

Jadual 5.1: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Asas di Kawasan Perumahan

Kategori Kepuasan	Bilangan	Peratusan (%)
Tidak puas	2	1.3
Agak puas	27	18.0
Puas	109	72.7
Sangat puas	12	8.0
Jumlah	150	100.0

5.2.2 Tahap Kepuasan Responden Terhadap Perkhidmatan

Pengangkutan Awam

Penyewaan di kalangan penghuni bandar amat menitikberatkan faktor lokasi kawasan rumah yang hendak di sewa. Bagi penyewa yang menyewa rumah di kawasan pinggir bandar faktor terdapat kemudahan pengangkutan awam adalah merupakan faktor utama yang harus difikirkan. Kajian ini juga turut melihat persepsi responden terhadap kemudahan pengangkutan awam yang terdapat di kawasan perumahan ini. Kedudukan Kampung Dato' Keramat yang strategik dikelilingi oleh taman-taman perumahan di kawasan persekitarannya menjadikan kawasan ini merupakan kawasan laluan perkhidmatan awam. Antara mod pengangkutan awam yang terdapat di kawasan ini

ialah bas Intrakota, teksi dan yang terbaru ialah perkhidmatan sistem transit aliran ringan PUTRALINE. Bagi laluan sistem transit aliran ringan ini (LRT) di Kampung Dato' Keramat sahaja terdapat dua perhentian utama iaitu di stesen Damai dan Kampung Dato' Keramat sendiri. Keputusan kajian mengenai tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pengangkutan awam di kawasan ini menunjukkan bahawa hampir (90.0) peratus responden menyatakan bahawa kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan ini adalah pada tahap memuaskan. Kenyataan ini juga sangat penting kerana tanpa kemudahan pengangkutan awam yang baik sudah tentu kawasan ini tidak mempunyai tempat di kalangan penyewa. Jadual 5.2 menunjukkan tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pengangkutan awam di kawasan perumahan mereka.

Jadual 5.2: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Perkhidmatan Pengangkutan Awam.

Kategori kepuasan	Bilangan(orang)	Peratusan(%)
Tidak puas	2	1.3
Agak puas	27	18.0
Puas	109	72.7
Sangat puas	12	8.0
Jumlah	150	100.0

5.2.3 Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Awam dan Sosial

Kemudahan sosial yang terdapat berhampiran sesebuah kawasan perumahan juga adalah merupakan kriteria penting sebelum seseorang itu mahu membeli rumah atau menyewa rumah. Antara kemudahan sosial yang terdapat di kawasan perumahan ini dan di kawasan persekitaran Kampung Dato' Keramat ialah seperti sebuah sekolah rendah kebangsaan, sebuah sekolah rendah agama, sebuah pondok polis, perkhidmatan klinik kesihatan, sebuah pasar dan sebuah dewan orang ramai. Keputusan kajian juga menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan perkhidmatan sosial yang terdapat di kawasan perumahan ini. Jadual 5.3 menunjukkan tahap kepuasan

responden terhadap kemudahan sosial yang terdapat di persekitaran kawasan perumahan.

Jadual 5.3: Menunjukkan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Sosial di Kawasan Perumahan

Tahap kepuasan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak memuaskan	-	-
Agak memuaskan	22	14.9
Memuaskan	119	80.9
Sangat memuaskan	6	4.0
Jumlah	150	100.0

Kajian yang dijalankan juga turut melihat persepsi responden terhadap keadaan perparitan, longkang dan perkhidmatan memungut sampah yang terdapat di kawasan perumahan berkenaan. Daripada kajian tersebut seramai 72.6% responden atau seramai 109 orang responden menyatakan keadaan perparitan, longkang dan perkhidmatan memungut sampah di kawasan tersebut adalah pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun, masalah yang kerap timbul adalah berkaitan dengan masalah perparitan yang sering tersumbat di persekitaran rumah mereka kerana tindakan ahli komuniti di kawasan perumahan yang kurang peka kepada keadaan

5.2 Persepsi Responden Terhadap Persekutaran Kawasan Rumah

Kajian ini juga turut melihat persepsi responden terhadap persekitaran rumah mereka. Antara bentuk persepsi yang diberikan untuk meminta pandangan mereka terhadap persekitaran perumahan 'RIDA' ini ialah, sama ada mereka bersetuju untuk menyatakan kawasan perumahan mereka lama dan lapok, meriah dan ceria, buruk dan kotor, cantik dan menarik, bersih dan kemas, baru dan rapi, aman dan tenteram serta sesuai untuk didiami. Hasil daripada kajian ditunjukkan seperti di dalam Jadual di bawah;

kebersihan di kawasan ini. Lebih buruk lagi keadaan pembangunan yang sedang pesat berlaku di persekitaran kawasan kediaman Kampung Dato' Keramat amnya turut menjelaskan keadaan perparitan di kawasan ini kerana berlakunya pengelompokan lumpur ke dalam parit-parit di perkarangan rumah mereka. Akibatnya apabila hujan lebat, parit ini tersumbat dan air masuk ke dalam rumah mereka. Tahap kepuasan responden terhadap keadaan perparitan, longkang dan perkhidmatan memungut sampah di tunjukkan di dalam Jadual 5.4 di bawah;

Jadual 5.4: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Keadaan Perparitan, Longkang Dan Perkhidmatan Memungut Sampah

Tahap kepuasan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak memuaskan	7	4.6
Agak memuaskan	33	22.0
Memuaskan	109	72.6
Sangat memuaskan	1	0.6
Jumlah	150	100.0

5.3 Persepsi Responden Terhadap Pembangunan Semula Kawasan

Petempatan

Jika dilihat dari udara, kepesatan pembangunan yang telah berlaku di persekitaran Kampung Dato' Keramat seperti di kawasan Ampang, Wangsa Maju dan sebagainya telah menyaksikan bahawa kedudukan kampung ini seolah dipinggirkan daripada menerima tempias pembangunan. Ini boleh dibuktikan secara fizikalnya kampung ini dicirikan oleh struktur perumahan tradisional yang beraneka bentuk dan corak. Semasa kajian lapangan dijalankan di kawasan ini, pengkaji telah menyuarakan persoalan tentang kemungkinan kawasan ini dibangunkan untuk melihat persepsi responden. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa ada pihak yang bersetuju supaya kampung ini dibangunkan (60.7%), manakala ada juga pihak yang kurang bersetuju (39.3%). Pihak yang tidak bersetuju ini kebanyakannya ialah terdiri dari kalangan pemilik rumah yang telah lama menetap di kawasan ini dan ada diantara mereka yang telah mempunyai struktur perumahan yang baik dan moden. Manakala, dikalangan yang bersetuju pula mereka terdiri daripada golongan penyewa di kawasan perumahan di sini. Jadual di bawah menunjukkan peratusan dan bilangan

responden yang bersetuju dan tidak bersetuju sekiranya kawasan petempatan ini dibangunkan semula.

Jadual 5.5: Persepsi Responden Terhadap Pembangunan Semula Kawasan Petempatan

Pembangunan Semula	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Bersetuju	91	60.7
Tidak bersetuju	59	39.3
Jumlah	150	100.0

Cara pembangunan yang diharapkan oleh responden ialah pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan bukannya pihak swasta. Bilangan responden yang mahukan pembangunan dijalankan oleh pihak kerajaan ialah seramai 51 orang atau mewakili (34.0%) manakala bilangan yang mahu pembangunan dijalankan oleh pihak swasta ialah 37 orang atau hanya (24.7%). Selebihnya ialah mereka yang tidak mahu memberikan sebarang komen tentang sebarang projek pembangunan yang akan dijalankan di kawasan ini.

5.4 Rumusan

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa kajian tentang aspek gaya hidup dan persepsi responden terhadap kawasan perumahan ini dapat mengambarkan tentang gaya hidup sebahagian daripada masyarakat Melayu bandar di Kampung Dato' Keramat. Tetapi yang lebih penting di dalam kajian ini ialah tentang gaya hidup masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan Tanah Rizab Melayu yang masih mengekalkan ciri-ciri perumahan Melayunya. Kajian tentang aspek gaya hidup di kawasan ini juga membuktikan bahawa dari segi pemilikan peralatan kelengkapan perumahan, masyarakat Melayu di kawasan ini turut mempamerkan tentang pemilikan peralatan popular yang biasanya turut menjadi peralatan rasmi di bandar. Antaranya ialah seperti pemilikan kenderaan, telefon bimbit, peralatan televisyen kabel, penghawa dingin kad kredit dan sebagainya. Kajian ini juga membuktikan pemilikan alat kelengkapan perumahan ini mempunyai kaitan dangan faktor sosio-ekonomi penghuni rumah. Penghuni rumah yang mempunyai taraf sosio ekonomi yang lebih baik mempunyai peralatan kelengkapan rumah yang pelbagai berbanding dengan penghuni yang mempunyai tahap ekonomi yang lebih rendah.

Ternyata penghuni di kawasan perumahan ini menunjukkan corak yang pelbagai dari segi pemilikan terhadap peralatan kelengkapan rumah. Ada di antara penghuni rumah yang memiliki peralatan sekadar perlu untuk meneruskan kehidupan seperti biasa. Namun ada juga di antara mereka yang melampaui tahapnya dengan memiliki peralatan dan barang mewah seperti komputer, telefon bimbit, televisyen kabel, pendingin hawa dan kad kredit. Ternyata bahawa daripada aspek perumahan di kawasan ini kita boleh memaparkan tentang hakikat dan status penduduk di kawasan perumahan yang dahulunya untuk golongan berpendapatan rendah'ini.

Aspek perumahan di kawasan ini juga turut memaparkan tentang gaya hidup masyarakat di kawasan bandar. Pemilikan peralatan mewah seperti telefon bimbit, karaoke, alat pendingin hawa dan sebagainya merupakan peralatan yang jarang-jarang dimiliki oleh keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan sekadar secukup makan.

Perubahan masa telah merubah corak dan aspek perumahan 'RIDA' ini. Kajian mengenai aspek pemilikan peralatan perumahan ini mampu untuk menghuraikan status dan gaya kehidupan di sesebuah kawasan itu. Lebih jelas lagi gaya

kehidupan sesebuah masyarakat akan berubah sesuai dengan keadaan persekitaran di mana mereka tinggal samada di kawasan bandar atau luar bandar.

Kajian tentang pola pemilikan alat kelengkapan perumahan di kawasan ini juga sebenarnya turut memaparkan tentang corak dan gaya hidup masyarakat bandar sebenarnya. Lebih kritis lagi kajian ini juga sebenarnya melihat keadaan gaya hidup masyarakat Melayu di kawasan Tanah Rizab Melayu di bandar raya Metropolitan Kuala Lumpur. Mungkin terdapat perbezaan tantang gaya hidup masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Namun kajian mengenainya belum pernah dilakukan lagi. Mungkin kajian ini boleh mencetuskan idea untuk melihat perbezaan tentang gaya hidup masyarakat Melayu dan bukan Melayu di kawasan bandar juga. Tetapi apa yang pasti bahawa gaya hidup masyarakat Melayu di kawasan ini sudah pasti berbeza dengan kehidupan masyarakat Melayu di kawasan-kawasan taman perumahan mewah lainnya kerana terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi gaya kehidupan seseorang. Namun kajian ini juga berjaya membuktikan gaya hidup masyarakat bandar boleh dilihat bukan sahaja melalui gaya dan penampilan mereka melalui pemilikan kereta, gaya berpakaian, pemilikan telefon bimbit dan sebagainya, malah

lebih daripada itu gaya kehidupan masyarakat bandar juga boleh diterangkan melalui pola pemilikan peralatan rumah mereka.

Masyarakat bandar juga boleh dibezakan dengan masyarakat luar bandar jika dilihat dari sudut pola pemilikan alat peralatan rumah mereka. Masyarakat bandar sering dicirikan oleh pemilikan peralatan rumah yang pelbagai dan moden berbanding dengan pemilikan peralatan rumah di kawasan luar bandar yang biasanya ala kadar sahaja.

Justeru itu melalui kajian terhadap gaya hidup di kawasan ini dapatlah disimpulkan bahawa gaya hidup masyarakat Melayu di kawasan ini adalah serba sederhana sahaja. Pola pemilikan peralatan rumah adalah bergantung kepada kedudukan tahap sosio-ekonomi sesebuah keluarga. Namun pola pemilikan peralatan rumah di kawasan ini adalah beranekaragaman dan bukannya homogenous. Keanekaragaman pemilikan peralatan rumah penghuni di kawasan ini adalah turut ditentukan oleh taraf sosio-ekonomi sesebuah keluarga juga.

Jika dilihat daripada persepsi responden terhadap kawasan perumahan 'RIDA' ini menunjukkan bahawa kawasan Tanah Rizab Melayu di Kampung Dato' Keramat ini merupakan kawasan yang mempunyai lokasi kediaman yang sangat sesuai. Hampir 90% responden (144 orang responden) bersetuju bahawa kawasan kediaman di kawasan ini ialah aman dan tenteram. Persepsi responden terhadap kemudahan asas dan perkhidmatan pengangkutan di kawasan kediaman ini juga agak baik iaitu seramai 72.7% (109) responden berpuas hati dengan kemudahan asas dan perkhidmatan pengangkutan yang terdapat di kawasan ini. Manakala persepsi responden terhadap kemudahan awam dan sosial juga adalah pada tahap yang memuaskan iaitu hampir 80.9% (119) responden menyatakan bahawa kawasan kediaman ini mempunyai kemudahan awam dan sosial yang memuaskan.

Akhirnya daripada kajian terhadap gaya hidup dan persepsi responden terhadap kawasan perumahan 'RIDA' di Tanah Rizab Melayu di Kampung Dato' Keramat ini dapatlah disimpulkan bahawa komuniti masyarakat di kawasan ini juga menunjukkan ciri-ciri yang heterogeneiti bukan sahaja kepada pola pemilikan alat peralatan rumah, malah ciri keanekaragaman juga boleh dilihat daripada bentuk-bentuk struktur

perumahan mereka. Walaupun wujudnya ciri-ciri ini, mereka masih boleh hidup dengan harmoni kerana masih mengekalkan sifat-sifat keseragaman daripada perhubungan sosial kerana kebanyakannya mereka masih mempunyai keseragaman daripada aspek sosio-ekonomi, dan yang lebih penting bangsa, iaitu bangsa Melayu. Mungkin faktor ini juga yang menentukan corak perhubungan mereka yang masih mesra dan bukan alienated, superficial dan susceptible sebagaimana yang diutarakan oleh Wirth (1938) di dalam artikelnya '*urbanism as a way of life*' untuk memerihalkan tentang gaya hidup masyarakat di bandar Chicago.